

**PENGGUNAAN TANAH TERRACOTTA DALAM
PENGHASILAN BARANGAN SERAMIK**

DISEDIAKAN OLEH :

**ROSWADI BIN MOHAMMED
95141768
1996/99**

**Ijazah Sarjana Muda Senireka Seramik
Fakulti Senilukis dan Senireka
ITM Shah Alam
1999**

PENGHARGAAN

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah banyak membantu saya dalam menjayakan tesis ini. Semoga apa yang telah dicurahkan akan beroleh keberkatan dan saya jadikan sebagai panduan dalam menghadapi kerjaya saya di masa hadapan.

1. En. Abdul Manan.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Abdul Manan selaku penasihat pertama yang banyak memberi nasihat dan dorongan dari semua segi terutamanya dalam proses penulisan, eksperimen, khidmat nasihat dan sebagainya.

2. Pn. Siti Zaleha

Selaku penasihat kedua yang banyak memberi maklumat dan tunjuk ajar dalam membuat eksperimen dan khidmat nasihat.

SINOPSIS

Pemilihan sesuatu jasad adalah satu elemen yang penting dalam mendapatkan kesesuaian antara barangan yang hendak dihasilkan. Bukan saja ia adalah asas penting dalam pembuatan barangan seramik tetapi juga bagi mendapatkan atau melahirkan industri seramik yang betul-betul tulen.

Bagi menghasilkan tesis ini saya telah memilih tanah *Terracotta* atau lebih dikenali sebagai tanah merah sebagai subjek kajian dari segi kandungan atau unsur yang terdapat pada tanah ini dan cara yang paling berkesan untuk menghasilkan barangan seramik berasaskan tanah *Terracotta*. Kalau diperhatikan kepada tajuk tesis ini iaitu **Penggunaan Tanah Terracotta Dalam Penghasilan Barangan Seramik** saya hanya melakukan penyelidikan terhadap barangan seramik yang menggunakan tanah *Terracotta* sahaja dalam pembuatannya.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA

SEKAPUR SIRIH

PENGHARGAAN

METODOLOGI

SINOPSIS

OBJEKTIF

MUKASURAT

BAB 1

1.1 PENGENALAN 1

1.1.1 SEJARAH AWAL

1.2 TANAH/ LEMPUNG 3

1.3 DEFINISI TANAH TERRACOTTA 5

1.4 PROSES KEJADIAN TANAH 9

1.4.1 HUJAN (AIR)

1.4.2 ANGIN

1.4.3 MANUSIA

1.4.4 CUACA

1.1 PENGENALAN.

1.1.1 SEJARAH AWAL

Seramik atau tembikar adalah diantara kesenian yang diakui tertua di dunia. Kesenianya telah menjadi warisan dan kebanggaan negara ini. Boleh dikatakan sejarah seni tembikar atau seramik telah bermula di zaman Mesir, Yunani, China, Jepun dan Korea. Permulaannya adalah tidak pasti tetapi mungkin telah bermula seawal tahun 1500 s.m. Jelaslah hasilan barangan seramik yang sudah dibakar ditemui di Lembah Sungai Nil sekitar 1100 s.m. Satu bentuk kasar seramik tanah yang dilicau dengan licau alkali ditemui di Mesir dan Asia Barat sekitar tahun 5000 s.m..

Sejarah penemuan seramik di Malaysia dan permulaannya adalah bermula dengan penemuan barang-barang primitif seperti bekas menyimpan makanan dan bekas untuk memasak telah ditemui di seluruh Malaysia. Contohnya serpihan dan bekas-bekas ini telah banyak ditemui di Ulu Tembeling (Pahang), Bukit Wang Pisang dan